

20 21 8 22
1-1-1909

KEDAH

KEDAH SELEPAS PERANG KULIM

**Faktor British dan Siam Dalam
Kajian Perkembangan Sosio-Politik Kedah,
1888 - 1909**

THOW ENG KEE

Nealdy Publiser & Distributor

Cetakan Pertama 1995

© HAK CIPTA THOW ENG KEE

Hakcipta terpelihara. Mana-mana bahagian di dalam penerbitan ini tidak boleh dihasilkan balik, dicetak atau dipindahkan ke dalam sebarang bentuk sama ada secara elektronik, salinfoto, rakaman dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapat izin daripada penerbit
Nealdy Publisher & Distributor.

ISBN 983-99961-0-X

Penerbitan:

Nealdy Publisher & Distributor.

Dicetak Oleh :

Yasmin Printing & Graphic Sdn. Bhd,
155 - 157, Kompleks Alor Setar,
Lebuhraya Darulaman,
05100 Alor Setar,
Kedah Darul Aman.
Tel : 04 - 73118310
Fax : 04 - 7314924

Untuk semua yang tersayang,
teristimewa buat Nealdy dan mamanya serta
'mami' (NST - Mother of the year, 1989).

PRAKATA

Satu kelemahan persejarahan Malaysia ialah kurangnya kajian sejarah tempatan. Sering kali dilupakan umum bahawa sejarah sesebuah negara sebenarnya terdiri daripada jumlah sejarah kawasan-kawasan yang terkandung di dalam negara tersebut. Maksudnya, tanpa sejarah mikro-, sejarah makro memang sukar ditulis atau difahami.

Namun demikian, walaupun usaha untuk menulis sejarah Tanah Melayu telah bermula sejak lebih kurang pertengahan abad ke-19 (pelopornya pegawai British), tumpuan yang diberikan kepada sejarah tempatan setakat ini jelas terbatas. Sejarah tempatan Malaysia lebih banyak ditulis oleh sarjana Barat (sebagai tesis kedoktoran) dan, di antara karya-karya yang telah diterbitkan, pengarangnya adalah sejarawan tempatan (bukan mereka yang telah mendapat latihan akademik).

Benar, sejarah tempatan juga dikaji oleh mahasiswa di beberapa universiti tempatan sebagai projek kajian ilmiah. Hanya, sayangnya, sebilangan besar kajian ini tidak diterbitkan kecuali, kadang-kadang, dalam bentuk yang lebih ringkas, sebagai makalah dalam majalah.

Oleh yang demikian, kajian ini mengenai 'Perang Kulim' sepatutnya dialu-alukan. Ini juga sebuah kajian ilmiah. Kajian ini penting bukan hanya kerana sumbangannya kepada persejarahan Malaysia secara umum, tetapi lebih khususnya, ia memperkaya persejarahan Kedah.


Kedah adalah negeri Melayu yang tertua-lebih tua daripada Kerajaan Melaka yang muncul pada tahun 1400 Masihi-tetapi persejarahannya agak tipis. Mungkin kerana Kedah pernah dimusnahkan oleh Siam pada tahun 1821 maka banyak bahan sejarah telah hilang. Sebab itu sejarah Kedah sebelum zaman Siam sukar ditulis. Tetapi sejarah Kedah selepas zaman Siam juga

PENDAHULUAN


Di dalam pengkajian sejarah Malaysia kurun ke 19, khususnya dalam separuh yang kedua, peristiwa Perang Larut dan Perjanjian Pangkor merupakan dua peristiwa penting yang menandakan bermulanya arus perubahan sosial, ekonomi dan politik di Tanah Melayu. Ini agak tepat apabila merujuk kepada kemasukan imigran-imigran Cina, kekacauan-kekacauan kongsi gelap, pertumbuhan ekonomi yang pesat dan perluasan pengaruh British di Negeri-negeri Melayu Pantai Barat seperti Perak, Selangor dan Negeri Sembilan. Tetapi di Negeri-negeri Melayu Utara, khasnya Kedah keadaannya agak berbeza. Kedah misalnya walaupun tidak mengalami pertumbuhan ekonomi yang begitu pesat tetapi lebih bernasib baik kerana berjaya mengekalkan keutuhan politiknya daripada cengkaman British ataupun mana-mana kuasa lain sehingga berakhirnya kurun ke 19. Namun ini tidak bermakna Kedah pada tahap itu benar-benar jauh daripada sebarang konflik dan krisis atau tidak pernah menghadapi ancaman campurtangan kuasa luar, khususnya British dan Siam.

Jika dilihat dengan teliti, khususnya dalam tempoh 1888 hingga 1909, Kedah yang masih dipengaruhi oleh 'faktor Siam' sebenarnya turut mempunyai konflik dan krisis yang tersendiri. Misalnya krisis kewangan dan percubaan campurtangan British dalam politik dan pentadbiran Kedah berlaku dengan begitu ketara sekali. Tetapi gambaran yang lengkap mengenainya, khususnya peristiwa yang menjadi akar umbi kepada tercetusnya krisis dan konflik tersebut belum pernah lagi dibincangkan dengan terperinci dan mendalam.

Berdasarkan hakikat itu, kajian ini bertujuan untuk melihat kaitan peristiwa tersebut dan sejauh mana kesannya ke atas krisis kewangan dan konflik dalaman politik Kedah sehingga membawa kepada kemasukan British ke negeri itu pada tahun 1909. Peristiwa yang dimaksudkan merupakan satu siri pergaduhan kongsi gelap yang berlaku pada tahun 1888 di daerah Kulim dan kerana itu ia akan dikenali sebagai Perang Kulim di dalam kajian ini.



X	KRISIS KEWANGAN	53
	Perlelongan Harta Loh Chew dan Kunci-kuncunya	57
	Sultan Jatuh Sakit	58
	Campurtangan Siam dan Tentangan Negeri-negeri Selat	65
XI	KEMATIAN RAJA MUDA DAN KEMASUKAN BRITISH	76
XII	KESIMPULAN	84
	BIBLIOGRAFI	86
	INDEKS	89



**KEDAH DAN KAWASAN-KAWASAN
INGGERIS - PULAU PINANG,
SEBERANG PERAI DAN PERAK**

PENGENALAN

*Kedah has been the shuttlecock of English and Siamese diplomacy since Captain Light landed in Penang; neither England nor Siam can claim hitherto, to have treated the little state with even common decency and honesty.*¹

Kecuali dari dekad 1840an hingga 1870an, sejak bermulanya hubungan tiga penjuru di antara Kedah, British dan Siam pada akhir kurun ke 18 hingga ke awal kurun ke 20, nasib Kedah jelas digambarkan oleh petikan di atas. Bermula dengan tipu helah Francis Light mendapatkan Pulau Pinang pada 1786 dan usaha George Leith melalui wakilnya, Cauter memujuk Sultan Kedah menyerahkan Seberang Perai (Province Wellesley) pada 1800 serta diikuti pula oleh tekanan-tekanan dari Siam selepas itu,² Kedah sejak awal telah diperalatkan seperti barang dagangan oleh Siam dan

1. PGSC, 3 April 1909.

2. Untuk melihat lebih lanjut latarbelakang dan krisis hubungan Kedah dengan British dan Siam yang membawa kepada Kedah kehilangan Pulau Pinang dan Seberang Perai dan kemudiannya di serang oleh Siam pada tahun 1821 yang mana menurut Sultan Kedah berpunca daripada "*Siam had long been jealous of British occupation of Pinang*", sila rujuk R. O. Winstedt, *A History of Malaya*, Marican & Sons, Kuala Lumpur, 1961, hal.163-173.

Di dalam surat kepada Robert Fullerton, Gabenor Pulau Pinang (1824 - 1830), Sultan Ahmad Tajuddin mempersoalkan prinsip dan janji yang dipegang oleh *English Company*:

*... when the Siamese invasion occurred, I recollected the engagement of the English Company with my deceased father, which provided for assistance to my father in any difficulty; which promise induced him to grant this island of Pinang to the English Company, having placed entire reliance on the engagement and the power of the Company to extend support and assistance to his son and grandson. It had never been heard that the Company broke my treaty ...*¹

Kerana itu Sultan Ahmad Tajuddin secara berterus terang membantah tindakan Burney dan mempertikaikan hak pertuanan Siam ke atas Kedah dengan berkata :

*Now Captain Burney has brought a Treaty to which I cannot reconcile my mind. ... Were I to conform to the engagement of Captain Burney, I should suffer great disgrace: it were far preferable I should die than be exposed to such shame. I should rather even go by myself. For Kedah was not a gift from the Siamese nor was I installed by the Siamese. Kedah descended to me through a long line of ancestors. If Kedah had been a Siamese country, my father could not have given Pinang to the Company or at all events there would have been complaints and remonstrances.*²

Walaupun ketegangan krisis itu reda pada tahun 1842 namun keadaan kembali tegang mulai akhir 1880an. Ini berikutan British selepas melengkapkan kemaraan di Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang mula mengalihkan perhatian ke Negeri-negeri Melayu di utara. Dalam hal ini Kedah menarik perhatian

1. Winstedt, *op. cit.*, hal. 176.

2. *Ibid.*, hal. 177.

LATARBELAKANG DAERAH KULIM

Pendudukan Awal Orang-orang Patani

Seperti kebanyakan kawasan lain di Tanah Melayu dalam separuh pertama kurun ke 19, Kulim masih merupakan sebuah daerah terpencil di selatan Kedah yang belum membangun serta berhutan tebal. Jumlah penduduknya dianggarkan hanya seratus orang.¹ Hampir kesemuanya dipercayai berasal dari keturunan Melayu Patani iaitu sebuah wilayah di selatan Negeri Thai.² Kehadiran mereka di Kulim bermula di sekitar akhir kurun ke 18 dan awal kurun ke 19. Hakikat ini tidak dapat dinafikan kerana pada masa itu penduduk-penduduk Melayu di selatan Thai, khususnya di wilayah Patani dan Negeri Kedah sering ditindas oleh Kerajaan Siam. Misalnya pada tahun 1784 dilaporkan bahawa :

After capturing all the defenses of the Malays, the first thing the Thai in Patani did was to arrest and kill unarmed Patani Malay men, women, and young children, and to steal all property and weapons. For

-
1. Lihat Cheng Lim Keak, 'The Chinese Community in Kulim Town: A Case Study of Chinese Social, Economic, Cultural and Political Activities in West Malaysia', M. A. Thesis of Geography, Victoria University of Wellington, 1969, hal. 17-18.
 2. Temuramah dengan Pin bin Hassan, 84 tahun, di Kampung Terap, Kulim, pada 4 November 1988. Pin menyatakan rata-rata penduduk awal di daerah Kulim ialah orang-orang Melayu yang berasal dari wilayah Patani di selatan Thailand. Pin sendiri mengaku dirinya juga berketurunan Melayu Patani.

Walaupun mengalami kekalahan teruk tetapi penyatuan orang-orang Melayu Kedah dan Patani tidak berakhir begitu sahaja. Malah pada tahun 1838 apabila orang-orang Melayu Kedah meneruskan usaha mereka mengusir keluar pendudukan Siam dari Kedah, orang-orang Patani pula membantu mereka. Akibatnya kekalahan yang menimpa Kedah turut dirasai oleh Patani di mana ianya dinyatakan seperti berikut:

Because the Kedah peoples' strength had been exhausted in the battle, Kedah easily fell again into the hands of the Siamese, and the Patani Malays who had joined the Kedah people were forced to flee.¹

Maka itu tidak hairanlah ada setengah orang-orang Melayu Patani menyertai penduduk Melayu Kedah melarikan diri ke Province Wellesley dan kawasan-kawasan lain yang lebih selamat di selatan Kedah. Ini termasuklah daerah Kulim yang kebetulan berhampiran dan bersempadan dengan Province Wellesley.² Hakikat ini diperkukuhkan lagi dengan adanya salasilah atau genealogi yang menunjukkan keturunan Melayu Patani yang awal mendiami daerah Kulim.

Perlombongan Bijih Timah dan Kemasukan Orang-orang Cina

Menjelang separuh kedua kurun ke 19, Kulim turut didatangi oleh orang-orang Cina dan ini bukanlah suatu fenomena yang luar biasa memandangkan daerah Kulim mempunyai longgokan bijih timah yang menjadi daya tarikan.

-
1. Lihat Ibrahim, *op.cit.*, hal. 54. Lihat juga Winstedt, hal. 182.
 2. Kulim jarang atau tidak pernah disebut di dalam kebanyakan sumber mungkin kerana sebelum separuh kedua kurun ke 19 daerah itu masih belum mempunyai apa-apa kepentingan berbanding dengan Province Wellesley yang telah dimajukan oleh orang-orang Cina dengan aktiviti pertanian-niaga pada waktu itu.

Pada tahun 1850 dilaporkan terdapat kira-kira 400 pelombong Cina di daerah Kulim.¹ Tetapi bilangan itu bertambah dalam tahun-tahun berikutnya. Pada tahun 1854 sahaja misalnya di antara dua ribu hingga tiga ribu orang Cina mendarat di Pulau Pinang dan kemudiannya beredar ke Province Wellesley serta kawasan-kawasan lain yang berhampiran.² Dalam hal ini Kulim pastinya menjadi salah satu destinasi pilihan mereka kerana ia bukan sahaja paling berdekatan dengan Pulau Pinang selepas Province Wellesley tetapi juga masih belum ramai penduduk di samping mempunyai prospek perlombongan bijih timah yang berpotensi.³ Ini menjelaskan bila dan bagaimana bermulanya perlombongan bijih timah dan kemasukan orang Cina di Kulim, dan sekaligus membuktikan adalah tidak benar pendapat yang mengatakan orang-orang Cina hanya mula melombong bijih timah di Kedah dalam 1870an.⁴

1. Cheng, *op. cit.*, hal. 17.

2. R. N. Jackson, *Immigrant and Labour and the Development of Malaya*, Ministry of Interior, Kuala Lumpur, 1960, hal. 43.

3. Semasa zaman kemuncaknya pada penghujung kurun ke 19 dan awal kurun ke 20, Kulim mempunyai tidak kurang dari lapan buah syarikat mencari gali timah dengan jumlah pekerja kira-kira 1500 orang, Cheng, *op. cit.*, hal. 18.

4. Lihat Sharom Ahmad, 'Transition and Change in a Malay State: A Study of the Economic and Political Development, 1879-1923', Ph.D. Thesis, University of London, 1969, hal. 40. Jika pada 1850 sudah terdapat 400 pelombong-pelombong Cina di Kulim, ini bermakna kegiatan melombong bijih timah di Kedah telah bermula seawal lewatnya dalam tahun 1850an dan bukannya dalam 1870an seperti yang dikatakan oleh Sharom Ahmad.

diusir keluar dari Klian Bahru oleh orang-orang Chen Sang.
Menurut satu sumber :

*The Fui Chew (Hui Chew), about 2,000 in number, were completely expelled from Klian Bahru. They made their way in scattered parties through the jungle to Province Wellesley, where they arrived in utter destitution.*¹

Walaupun laporan tersebut menyebut orang-orang Hui Chew menyelamatkan diri ke Province Wellesley, tetapi apa yang jelas berlaku ialah mereka tidak menetap terus di kawasan itu. Ini disebabkan Province Wellesley telah lebih awal didiami oleh orang-orang Hokkien dan Teo Chew. Dari itu orang-orang Hui Chew dipercayai telah beredar ke Kulim yang baru hendak membangun. Apa yang menarik minat mereka untuk beredar ke Kulim ialah pada masa itu aktiviti perlombongan bijih timah di sana sedang giat berkembang dan ini merupakan satu peluang terbaik untuk mereka kembali kepada pekerjaan lama dan memulakan penghidupan baru di daerah yang jauh dari musuh mereka. Lebih meyakinkan lagi, Kulim hanya satu-satunya daerah di utara Tanah Melayu yang berdekatan dengan Klian Bahru yang mempunyai galian bijih timah.

Oleh yang demikian tidak hairanlah jika kebanyakan orang-orang Hui Chew di Kulim sebenarnya merupakan bekas pelembong-pelombong dari daerah Larut dan kemasukan mereka ke daerah Kulim secara tidak langsung menyebabkan perusahaan perlombongan bijih timah di daerah itu di perhebatkan lagi dalam suku terakhir kurun ke 19.

1. Untuk melihat secara lebih jelas peristiwa kekacauan ini, sila lihat Khoo Kay Kim, *The Western Malay States, 1850-1873*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1972, hal. 137-138.

Walaupun jelas penanaman ubi kayu sebagai hasil pertanian-niaga yang utama bermula lewat di Kulim berbanding dengan perusahaan melombong bijih timah tetapi peranannya tidak kurang penting dalam membangunkan ekonomi daerah Kulim khususnya dan ekonomi Kedah umumnya. Ini terbukti berikutan kenaikan harga ubi kayu menjelang 1890an semakin ramai orang Teo Chew melibatkan diri di dalam penanaman ubi kayu di Kulim. Seorang saudagar yang terkenal di Kedah dan Pulau Pinang iaitu Lim Leng Cheak misalnya dikatakan memiliki 14,000 relung ladang ubi kayu di Kulim pada masa itu.¹

Kesimpulannya, perkembangan sosio-ekonomi yang agak pesat di daerah Kulim menjelang suku terakhir kurun ke 19 secara langsung telah membantu Belakang Tebok menjadi sebuah bandar penting di selatan Kedah yang mana akhirnya dikenali dengan nama Kulim sahaja. Tetapi dalam pada itu kekacauan sosial seperti pergaduhan kongsi gelap tidak dapat dielakkan. Ia merupakan sebahagian daripada proses yang berlaku dalam masyarakat Cina yang baru hendak berkembang di daerah itu.

1. Lihat *Historical Personalities of Penang, Penang*, 1986, hal. 102. Sebagai catatan satu relung bersamaan 1 1/3 ekar.

orang-orang Cina dari Kedah dilaporkan turut ke Pulau Pinang untuk membantu kumpulan mereka.¹ Ini secara tidak langsung menunjukkan pihak-pihak yang terbabit di dalam kedua-dua peristiwa tersebut sebenarnya merujuk kepada orang-orang Cina dari daerah Kulim. Ini memandangkan daerah Kulim bukan sahaja mempunyai penduduk Cina yang ramai berbanding dengan daerah-daerah lain di Kedah tetapi juga paling berdekatan dengan Province Wellesley dan Pulau Pinang. Kenyataan ini bertambah sukar untuk dinafikan kerana kekacauan di Pulau Pinang membabitkan kongsi gelap Ngee Hin yang memang diketahui kewujudannya di Kulim dan ini sudah tentu memberi satu gambaran yang buruk terhadap masyarakat Cina di daerah itu. Apa lagi dikatakan juga bahawa :

The position of the rakyat (rakyat) there was much the same as in other Malay States. There was a good deal of disorder on the borders of Province Wellesley.²

Mengenai kongsi gelap di Kulim, latarbelakang penubuhannya juga dikaitkan dengan Chiu Ah Cheoh yang dipercayai telah membina sebuah tokong yang bernama *Lu Pan Ku Miao* yang juga direkodkan oleh pihak berkuasa sebagai sebuah kongsi. Oleh itu Chiu Ah Cheoh turut dianggap sebagai seorang ketua kongsi gelap di Kulim.³ Walaupun begitu penglibatan beliau dengan kongsi gelap yang mana satu masih lagi samar-samar. Ini kerana selain daripada Ngee Hin terdapat sebuah lagi kongsi gelap yang utama di Kulim iaitu Ho Seng.⁴ Tetapi apa yang penting dengan terdapatnya kedua-dua kongsi gelap tersebut, Kulim telah menjadi pusat kongsi gelap yang tertitng di Kedah dan

-
1. C. D. Cowan, *Nineteenth-Century Malaya: The Origins of British Political Control*, Oxford University Press, London, 1961, hal. 33.
 2. *Ibid.*, hal. 36.
 3. Wong, *op. cit.*, hal. 57.
 4. Cheng, *op. cit.*, hal. 23. Beliau mengkhususkan kongsi gelap Ho Seng dan Ngee Hin di Kulim masing-masing sebagai 'Har Loi long' dan 'sapng' dan 'Hakka Secret Society'.

ramai.¹ Tetapi sebelum cadangan tersebut menjadi kenyataan, Kulim sekali lagi menyaksikan satu siri pergaduhan yang buruk, malah lebih buruk daripada pergaduhan yang meletus pada tahun 1883 dan boleh dikatakan yang terburuk di dalam sejarah Kedah sejak berakhirnya krisis Kedah dengan Siam pada tahun 1842. Oleh kerana itu tidak hairanlah reputasi Kulim menjadi bertambah buruk sehingga turut menjejaskan nama baik Negeri Kedah apabila Kulim dikatakan sebagai:

*... a place in Kedah, which has for sometime past borne an evil reputation owing to the lawless character of its inhabitants who are principally Chinese miners of the Ngee Hin Society.*²

-
1. KSAH No. 2, 24 rejab 1305 (5 April 1888).
 2. PGSC, 8 June 1888.

nama kawasan dan daerah asal mereka di China iaitu di Hui Chou,¹ Hai Hong dan Lo Hong.² Tetapi berbeza pula dengan orang-orang Teo Chew, kebanyakan mereka berasal dari kawasan Chao Chou dan Swatow.³ Oleh itu tidak hairanlah, pengasingan dan perbezaan yang demikian di Negeri China terbawa-bawa ke Tanah Melayu sehingga mewujudkan pula jurang pemisahan yang kian mendalam dalam bentuk penubuhan dan penyertaan di dalam kesatuan atau kongsi gelap yang berlainan. Keadaan seperti itu ternyata amat merumitkan dan ianya begitu ketara sekali di dalam insiden Perang Kulim yang tercetus hasil daripada pergaduhan di antara ahli-ahli mereka di kawasan Belakang Tebok.

(sambungan dari nota kaki hal. 18)

hasil daripada perselisihan di antara Ho Seng dengan Ngee Hin, lihat Khoo, *op. cit.*, hal. 112-114 dan 169-172. Maka itu terbukti bahawa di antara Ngee Hin dan Ho Seng tidak pernah terjalin perhubungan yang baik sama ada di Pulau Pinang mahupun di Larut, dan ini tentunya tidak terkecuali di Kulim di mana peristiwa yang tercetus pada tahun 1883 boleh dijadikan contoh betapa tegangnya perhubungan di antara mereka. Oleh itu Perang Kulim secara tidak langsung boleh dianggap sebagai lanjutan daripada peristiwa tersebut. Kesimpulannya orang-orang Hui Chew dan Teo Chew yang bergaduh di dalam Perang Kulim adalah bukan dari kongsi gelap yang sama tetapi sebaliknya dari dua kumpulan yang bermusuhan iaitu Ho Seng dan Ngee Hin, lihat juga Cheng, *op. cit.*, hal 23-25; dan PGSC, 19 June 1888.

1. Lihat Chee Liew Seong, 'The Hakka Community in Malaya with Special Reference to their Association, 1801-1968', M.A. Thesis, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1971, hal. 18. Selain daripada Hui Chou, Hui Chew juga dieja seperti Fei Chew, Fui Chew dan sebagainya di dalam sumber-sumber lain.
2. *Ibid.*, hal. 18. Hai Hong dan Lo Hong merupakan dua daripada sepuluh daerah kecil yang terletak di kawasan Hui Chew (Hui Chou) dan perkataan Hai Lo Hong jelas merupakan cantuman nama dua buah daerah itu yang digunakan untuk merujuk kepada orang-orang Cina Hui Chew yang berasal dari kedua-dua daerah itu.
3. *Ibid.*, hal. 15.

kumpulan Hai Lo Hong menyerang kumpulan Teo Chew.¹

Versi kedua pula menyatakan nyonya cantik sebenarnya datang dari Bukit Mertajam. Kehadirannya di Belakang Tebok telah diekori oleh sekumpulan orang Teo Chew yang juga dari Bukit Mertajam untuk membawanya pulang. Tetapi percubaan tersebut dihalang oleh orang-orang Hai Lo Hong Belakang Tebok yang bertindak menyerang kumpulan Teo Chew itu dan ini mengakibatkan tercetusnya pergaduhan secara besar-besaran di Kulim.²

Persaingan Ekonomi dan Perbezaan Sosio-Budaya

Walau bagaimanapun adalah tidak lengkap jika dalam meninjau latarbelakang konflik Perang Kulim tidak disentuh mengenai beberapa aspek atau ciri yang ada pada orang-orang Teo Chew dan Hai Lo Hong di Kulim, khususnya dari segi persaingan ekonomi dan perbezaan latarbelakang sosio-budaya mereka. Ini agak jelas kerana sikap dan kecenderungan mengasingkan diri untuk hidup berpuak-puak mengikut keturunan atau suku kaum, dialek dan tempat asal yang sama sudah menjadi satu kelaziman bagi mereka ketika mula-mula tiba di Tanah Melayu. Hasilnya semua itu mempengaruhi pola petempatan dan pekerjaan mereka di mana perkara ini dapat dilihat dengan jelas berlaku di Kulim.

Orang-orang Teo Chew di Kulim kebanyakannya mendiami di kawasan Kelang Lama dan Simpang Tiga Keladi. Pekerjaan mereka lebih tertumpu di dalam bidang pertanian dan penternakan. Ini ternyata berbeza daripada orang-orang Hai Lo

-
1. Cerita yang diberi oleh Saad didapati mempunyai banyak persamaan dengan laporan PGSC, 19 June 1888
 2. Temuamah dengan Pin bin Hassan. Menurut Pin, beliau mendengar cerita itu daripada datuknya, Tok Janggi yang juga menurut beliau turut terlibat secara langsung untuk menamatkan kekacauan itu
 3. Versi ini mempunyai banyak persamaan dengan versi pertama, kecuali mengenai asal-usul nyonya cantik dan kumpulan orang-orang Teo Chew yang dikatakan berasal dari Bukit Mertajam.

Semua itu sememangnya tidak dapat dielakkan dan amat berkait rapat dengan keadaan orang-orang Hai Lo Hong dan Teo Chew di Kulim. Apabila dicampuradukkan pula corak perhubungan mereka yang tegang itu dengan masalah-masalah yang disebabkan oleh kegiatan-kegiatan kongsi gelap seperti pelacuran, perjudian, arak dan candu maka pergaduhan dan kekacauan sukar dielakkan walaupun hanya tercetus perselisihan atau salah faham yang kecil di antara mereka. Keadaan ini sudah tentu sedikit sebanyak turut berhubung kait dengan peristiwa pergaduhan tahun 1883 di mana kongsi gelap Ho Seng yang dianggotai oleh orang-orang Hai Lo Hong telah bertembung dengan kongsi gelap Ngee Hin yang dianggotai pula oleh orang-orang Teo Chew.¹Oleh itu apabila merujuk kepada kekacauan dan pergaduhan yang sering meletus di Kulim maka dikatakan bahawa:

*Tension might arise from keen competition in tin-mining, yet conflicts often started because of misbehaviour at the gambling tables or quarrels over women.*²

'Hang ni Jahat Macam Cina Lo Hong'

Sungguhpun begitu di dalam persaingan yang berlaku atau ketika timbulnya krisis, orang-orang Hai Lo Hong dikatakan lebih agresif dan tidak mempunyai sifat bertolak ansur atau belas kasihan. Ini berdasarkan pendapat dan pandangan yang diberi oleh penduduk Melayu generasi tua di Kulim. Menurut mereka, umumnya orang-orang Hai Lo Hong merupakan satu puak yang kejam, ganas dan jahat.

Dari itu perumpamaan yang berbunyi 'hang ni jahat macam

-
1. Temuramah dengan Low Ah Guek. Beliau mengakui Perang Kulim tercetus kerana adanya sifat iri hati, hasad dengki dan dendam-mendendam di kalangan pihak-pihak yang terlibat.
 2. Cheng, *op.cit.*, hal. 24.

Hakikat ini sememangnya jelas berlaku ke atas orang-orang Hai Lo Hong yang mula-mula mendiami di daerah Kulim pada pertengahan kurun ke 19 memandangkan kawasan-kawasan lain yang lebih subur serta mempunyai nilai ekonomi yang lebih baik seperti Pulau Pinang dan Province Wellesley sudahpun didiami oleh orang-orang Teo Chew dan Hokkien semenjak akhir kurun ke 18 dan awal kurun ke 19 lagi.¹ Akibatnya penghidupan yang dilalui oleh orang-orang Hai Lo Hong sangatlah mencabar dan secara tidak langsung menjadikan mereka bersikap lebih keras, tegas, kurang bertolak ansur, bercita-cita tinggi, lebih mementingkan diri dan puak sendiri serta akan menentang sesiapa sahaja yang cuba mengancam kedudukan mereka.²

Di samping itu, orang-orang Hai Lo Hong berasal dari kawasan pergunungan yang terpencil di bahagian tenggara Negeri China dan faktor ini sudah tentu menambahkan lagi sikap berpuak-puak dan kesukuan mereka. Ini kerana corak penghidupan di kawasan seperti itu tidak memungkinkan berlakunya kemasukan pengaruh unsur-unsur luar yang boleh mengubah dan mempengaruhi sifat semulajadi atau nilai-nilai asal yang dipraktikkan di dalam masyarakat mereka.³ Secara ringkasnya, keadaan mereka ketika mula-mula tiba di Tanah Melayu bolehlah digambarkan seperti berikut:

Life was hard in their newly adopted home, yet they managed not only to survive but also to expand in the midst of hostility that was confronting them from the Pentis.⁴

-
1. Lihat misalnya W.L. Blythe, "Historical Sketch of Chinese Labour in Malaya", *JABBRAS*, Vol. XX, Part. 1, 1947, hal. 67.
 2. Chee, *op. cit.*, hal. 7-9.
 3. *Ibid.*, hal. 7-9. Lihat juga Yen Ching-hwang, hal. 192.
 4. *Ibid.*, hal. 7. *Pentis* mungkin berasal dari perkataan Kantonis 'Puntei' yang bermaksud penduduk tempatan atau penduduk yang awal di sesuatu tempat, lihat juga Yen Ching-hwang, hal. 43.

Kulim, bersama beberapa orang pengikutnya seperti Penghulu Elang dan Tok Janggi cuba menasihati mereka supaya berdamai dan menghentikan perang tetapi tidak berjaya.¹ Sebaliknya kedua-dua pihak yang sedang berperang itu dilaporkan enggan membenarkan sesiapa pun campurtangan.² Ini mengakibatkan kekacauan di Kulim menjadi kian besar dan berlarutan selama beberapa hari serta merebak sehingga ke kawasan-kawasan lain yang berhampiran seperti di Kampung Dusun dan Kampung Padang yang terletak di kawasan Kelang Lama.³ Pada masa inilah Penghulu Elang dikatakan telah berzikir dan mengasah parang beliau untuk beberapa malam sebagai persediaan bagi menghentikan perang itu dan menangkap mereka yang terlibat. Tetapi usaha Penghulu Elang tidak juga berjaya kerana bilangan orang-orang Teo Chew dan Hai Lo Hong yang terlibat di dalam perang itu terlalu ramai berbanding dengan orang-orang Melayu yang turut serta bersama beliau.⁴

Dalam masa yang hampir sama berita kekacauan di Kulim telah tersebar ke Bukit Mertajam dan kawasan-kawasan yang berhampiran dengannya. Ini menyebabkan penduduk-penduduk di kawasan-kawasan tersebut berasa bimbang dan cemas kalau-kalau kekacauan itu merebak ke kampung-kampung mereka dan apatah lagi di Bukit Mertajam terdapat ramai orang-orang Teo Chew. Dalam keadaan itu ia mempengaruhi seorang ketua sami yang bernama Po-tan Dam dari wat Telok Wang, sebuah daerah kecil di Bukit Mertajam untuk pergi meredakan keadaan yang kacau-bilau di Kulim. Ketika di sana, beliau telah menasihati orang-orang Hai Lo Hong dan Teo Chew supaya berdamai dan mencari jalan penyelesaian yang lain, bukannya melalui kekerasan untuk mengatasi konflik yang timbul. Tetapi seperti

-
1. Temuramah dengan Saad bin Awang dan Pin bin Hassan.
 2. Temuramah dengan Saad bin Awang dan Pin bin Hassan. Lihat juga *PGSC*, 19 June 1888. Kedua-dua sumber ini mempunyai persamaan.
 3. Temuramah dengan Saad bin Awang dan Pin bin Hassan.
 4. Temuramah dengan Saad bin Awang dan Pin bin Hassan.

mencari jalan penyelesaian bertukar menjadi kacau-bilau dan memburukkan keadaan serta mengeruhkan lagi suasana permusuhan di antara mereka. Lau Tsoo sendiri yang bertanggungjawab mengadakan rundingan tersebut gagal untuk mengawal keadaan. Malah beliau turut berasa marah dan hilangsabar melihat sikap kedua-dua kumpulan itu yang tidak mahu bertolak ansur. Mungkin kerana terlalu kecewa dan menjangkakan tidak ada jalan lain lagi yang boleh meredakan keadaan, akhirnya beliau bertindak membuang paip yang dihisapnya ke tanah lalu berteriak, "*if you do not want to settle, then fight it out*".¹

Perang Gerila di Kulim

Maka itu daerah Kulim kembali menyaksikan kekacauan di antara orang-orang Hai Lo Hong dengan Teo Chew dan kali ini Kulim dilaporkan menjadi medan perang gerila.² Kumpulan Hai Lo Hong dilaporkan memiliki bekalan peluru dan senjata. Ini menyebabkan orang-orang Teo Chew terpaksa melarikan diri ke dalam hutan dan hanya sekali-sekala membuat serangan ke atas orang-orang Hai Lo Hong. Tetapi serangan-serangan mereka kerap kali gagal kerana orang-orang Hai Lo Hong akan membuat serangan balas dan memburu mereka sehingga jauh ke dalam hutan. Jika dapat ditawan, orang-orang Teo Chew akan dibunuh dengan cara yang paling kejam. Misalnya dalam satu serangan balas orang-orang Hai Lo Hong dilaporkan empat orang Teo Chew telah dipenggal kepala mereka manakala dua lagi dibakar hidup-hidup.³

Keganasan orang-orang Hai Lo Hong berterusan sehingga ke awal bulan Jun 1888. Pada peringkat ini mereka dilaporkan menyerang sesiapa sahaja yang bukan ahli kumpulan mereka

1. PGSC, 19 June 1888.

2. PGSC, 19 June 1888.

3. PGSC, 19 June 1888.

sesuka hati seperti merampas dan membakar harta-benda mereka yang merangkumi lombong, rumah dan hasil-hasil ternakan.¹ Namun begitu ladang-ladang ubi kayu mereka tidak dapat dimusnahkan kerana telah dikawal oleh orang-orang Tunku Mohamad Saad dan Penghulu Elang.² Manakala bandar Kulim seolah-olah telah 'mati' dan ia digambarkan seperti berikut:

*The town was quiet, but all round were signs of the recent disturbances - earthworks, burned kongsee houses, and some places dead bodies.*³

Dengan kekalahan orang-orang Teo Chew bukan bermakna perang telah tamat. Ini kerana keadaan sebenarnya masih tegang berikutan orang-orang Hai Lo Hong enggan menyerah diri walaupun telah diarah berbuat demikian oleh Tunku Mohamad Saad. Sebaliknya mereka dilaporkan telah membina kubu-kubu pertahanan di lombong-lombong dan akan menentang sesiapa sahaja yang cuba memaksa mereka letak senjata.⁴ Ini mendorong satu laporan mengatakan:

*The rule seems to be "Slay and Spare not".*⁵

Petualang Perang Kulim

Sebenarnya terdapat individu tertentu yang menjadi dalang utama di dalam Perang Kulim. Orang yang dimaksudkan ialah Loh Chew, ketua orang-orang Hai Lo Hong di dalam Perang Kulim yang juga merupakan majikan yang bertanggungjawab memberhentikan pekerja-pekerjanya sehingga menyebabkan berlaku pengangguran besar-besaran di Kulim.⁶ Malah beliau boleh juga dipertanggungjawabkan di atas kegagalan rundingan

-
1. PGCS, 19 June 1888.
 2. KSAH No. 2, 15 Syawal 1305 (24 Jun 1888).
 3. *Straits Times*, 18 June 1888.
 4. *Straits Times*, 18 June 1888.
 5. PGSC, 19 June 1888.
 6. Lihat PGSC, 15 June 1888.

Dalam hal ini Loh Chew, terutamanya mengalami tekanan paling teruk kerana beliau tidak mempunyai pilihan lain untuk mengatasi masalah kewangan yang wujud selepas kejatuhan harga bijih timah, selain daripada menyingkirkan pekerja-pekerjanya dan kemudian mengetuai mereka menentang orang-orang Teo Chew di dalam konflik perebutan nyonya cantik. Oleh yang demikian isu perebutan nyonya cantik hanya merupakan 'topeng' bagi Loh Chew untuk menutup kelemahan beliau. Adalah tidak keterlaluan jika beliau dikatakan sebagai petualang atau 'batu api' yang mencetuskan Perang Kulim di Kedah pada tahun 1888.

Oleh itu tanpa ragu-ragu lagi Tunku Yaakob terus menghubungi Sultan untuk mengkhabarkan apa yang telah berlaku di Kulim dan di samping itu meminta bantuan tentera.¹ Tunku Yaakob kemudiannya turut menghubungi orang-orang Melayu di daerah Krian dan Kuala Muda untuk mendapatkan bantuan sebelum bertolak ke Kulim. Akhirnya Tunku Yaakob dan orang-orangnya dengan berbekalkan lima puluh pucuk senapang bertolak ke Kulim dari Kuala Muda pada 6 Jun 1888.²

Sultan bersama-sama orang-orang Melayu dan askar-askar Sepoi turut berangkat ke Kulim dari Kota Setar selepas menerima perkhabaran dari Tunku Yaakob. Di dalam perjalanan ke Kulim, Sultan dilaporkan telah singgah sebentar di Pulau Pinang untuk berbincang sesuatu dengan Kerajaan Negeri-negeri Selat.³ Walaupun tidak diketahui apa yang baginda bincangkan di sana tetapi ianya sudah tentu berkaitan dengan usaha-usaha untuk menamatkan kekacauan di Kulim secepat mungkin.

Jumlah anggota pasukan bantuan yang menyertai gerakan pemuliharaan di Kulim adalah dianggarkan melebihi 1000.⁴ Namun begitu tidak terdapat sebarang pertempuran atau kejadian buruk yang tidak diingini berlaku di antara pasukan itu dengan orang-orang Hai Lo Hong. Ini disebabkan Tunku Yaakob setelah berunding dengan Sultan tidak membenarkan orang-orang mereka menggunakan kekerasan ke atas orang-orang Hai Lo Hong. Tetapi sebaliknya orang-orang Melayu dan askar-askar Sepoi diarahkan supaya berjaga terutama di kebun-kebun, lombong-lombong dan ladang-ladang ubi kayu kepunyaan orang-orang Teo Chew.⁵

-
1. Sebenarnya Tunku Mohamad Saad turut menghubungi Sultan untuk meminta bantuan selepas orang-orang Hai Lo Hong enggan menyerahkan diri tetapi surat beliau hanya sampai kepada Sultan pada 6 Jun 1888, lihat KSAH No. 2, 6 Syawal 1305 (15 Jun 1888).
 2. PGSC, 8 June 1888.
 3. PGSC, 8 June 1888, dan KSAH No. 2, 6 Syawal 1305 (15 Jun 1888).
 4. PGSC, 8 June 1888.
 5. KSAH No. 2, 6 Syawal 1305 (15 Jun 1888).

secara sukarela atau dipaksa.¹

Namun begitu timbul pula persoalan mengapakah orang-orang Hai Lo Hong menyerah diri dengan begitu mudah sekali? Sedangkan sebelum ini mereka begitu degil sekali dan bertekad untuk menentang sesiapa sahaja yang memaksa mereka meletakkan senjata.

Dalam soal ini terdapat beberapa sebab yang boleh diperjelaskan mengapa orang-orang Hai Lo Hong akhirnya menyerah diri tanpa memberi tentangan terlebih dahulu kepada orang-orang Tunku Yaakob dan Sultan. Pertamanya, apa yang paling jelas ialah orang-orang Hai Lo Hong sebenarnya telah terlalu lemah dan letih kerana telah begitu lama mereka terlibat di dalam Perang Kulim iaitu sejak 15 Mei 1888.

Kehadiran pasukan gerakan pemulihan di Kulim turut membuatkan kedudukan mereka bertambah tenat kerana mereka bukan sahaja terperangkap di tempat-tempat persembunyian tetapi juga telah terputus bekalan makanan dan senjata. Keletihan dan kelaparan menyebabkan mereka tidak berupaya lagi untuk menghadapi satu siri peperangan baru, apatah lagi untuk menentang pasukan gerakan pemulihan yang bukan sahaja lengkap bersenjata malah jauh lebih ramai daripada mereka.

Peluang untuk mereka melarikan diri ke wilayah-wilayah di bawah pentadbiran British agak tipis dengan adanya pasukan polis dan askar-askar Sepoi dari Negeri-negeri Selat mengawal di semua pintu keluar masuk utama kawasan sempadan, khususnya di Machang Bubok, Pagar Tras dan Tasik.² Misalnya jalan di antara Machang Bubok dan Bukit Mertajam telah dikawal ketat oleh dua puluh orang askar Sepoi sejak 6 Jun 1888. Ini diikuti pula oleh sepasukan polis yang diketuai oleh Inspektor Kemp mengawal di antara Jalan Bahru dan Bukit Mertajam pada 7 Jun 1888. Sepasukan lagi askar Sepoi

1. PGSC, 9 dan 22 June 1888.

2. PGSC, 15 June 1888.

KULIM SELEPAS PERANG

Loh Chew Terlepas Dari Tali Gantung

Dengan tertangkapnya orang-orang Hai Lo Hong keadaan di Kulim dapat dipulihkan semula setelah hampir sebulan berada dalam kacau bilau. Orang-orang Teo Chew mulai pulang ke Kulim pada 16 Jun 1888.¹ Manakala orang-orang Hai Lo Hong dibawa ke Alor Setar untuk dibicarakan tetapi hukuman ke atas mereka hanya dapat diputuskan pada tahun 1889. Loh Chew begitu bernasib baik sekali kerana beliau hanya dikenakan hukuman penjara berantai sampai mati bersama Chu Ah Yu.² Sebaliknya tiga orang yang lain iaitu Ang Lee, Ah Ngee dan Teow Fatt telah dikenakan bunuh. Sementara baki sebelas orang lagi dihukum penjara sampai mati tanpa dirantai.³

Dalam pada itu satu hakikat yang tidak dapat diketepikan ialah selepas Perang Kulim perhubungan antara orang-orang Teo Chew dan Hai Lo Hong boleh dikatakan terputus langsung. Ini disebabkan kedua-dua belah pihak dipercayai telah berikrar dan bersumpah tidak akan sesekali membenarkan wujudnya sebarang bentuk pertalian di antara mereka. Oleh kerana itu sekiranya berlakunya perkahwinan di antara mereka maka mengikut sumpahan tersebut, pasangan yang terlibat tidak akan mempunyai

1. Lihat *PGSC*, 22 June 1888.
2. Loh Chew dikatakan sebagai bernasib baik kerana pada mulanya beliau telah dijatuhkan hukuman bunuh tetapi diberi keampunan lalu hanya dikenakan hukuman penjara berantai sampai mati. Malah bukan setakat itu sahaja, Loh Chew dan beberapa rakannya ditetapkan akan dibebaskan pada 1 Muharam 1311 (14 Julai 1893) setelah Sultan dan Tunku Yaakob menerima rayuan saudagar-saudagar Cina Pulau Pinang, lihat *KSAM* No. 3, 7 Zulhijah 1307 (24 Julai 1890).
3. *KSAM* No. 3, tiada tarikh. Sungguhpun begitu surat ini dipercayai dibuat dalam bulan April 1889 kerana ia adalah surat balasan kepada Konsul Siam yang menulis kepada Sultan bertanyakan perkembangan perbicaraan orang-orang Hai Lo Hong. Surat dari Konsul Siam itu bertarikh 3 April 1889.

dahulu mendapat permit daripada Sultan atau Konsul Siam.¹ Untuk melumpuhkan kegiatan kongsi gelap, bangsal-bangsal kepunyaan mereka telah dirobohkan.² Bukan setakat itu sahaja, malah Tunku Yaakob sendiri yang masih berada di Kulim pada bulan Julai 1888 telah bertindak membina dua buah kubu keselamatan yang boleh memuatkan 150 anggota setiap satu. Berdasarkan kepada lokasi kubu-kubu tersebut di kawasan pinggir bandar Kulim maka jelas tanya dibina untuk mengawasi dan menghalang orang-orang Teo Chew dan Hai Lo Hong daripada bertembung lagi.³

Pada bulan Ogos pula Tunku Mohamad Saad telah diarahkan oleh Sultan membawa 3000 unit *cartridge* baru dari Pulau Pinang untuk digunakan oleh askar-askar Sepoi di Kulim.⁴ Sultan juga bercadang untuk memasang talian telefon di Kulim dan untuk itu baginda telahpun mengadakan perbincangan awal dengan W.E. Maxwell, Residen Konsular British di Pulau Pinang.⁵ Kesungguhan Sultan memastikan langkah-langkah keselamatan di Kulim benar-benar diperketatkan menunjukkan baginda tidak mahu peristiwa buruk seperti Perang Kulim berulang lagi di daerah itu. Ini kerana baginda sedar Perang Kulim telah mendedahkan kelemahan di dalam pentadbiran baginda dan sekiranya tercetus lagi kekacauan buruk di Kulim sudah tentu imej baginda dan Negeri Kedah akan terus tercemar terutama

-
1. KSAH No. 2, 4 Syawal 1305 (13 Jun 1888).
 2. KSAH No. 3, 9 Syawal 1305 (18 Jun 1888).
 3. Ini kerana kebanyakan orang Teo Chew tinggal di Simpang Tiga Keladi dan Kelang Lama yang terletak di kawasan pinggir bandar manakala orang Hai Lo Hong pula ramai tinggal di Belakang Tebok yang terletak di bandar Kulim.
 4. KSAH No. 3, 7 Zulhijah 1305 (14 Ogos 1888).
 5. KSAH No. 2, 13 Muharam 1306 (19 September 1888). Walaupun prinsipnya Kerajaan Pulau Pinang telah bersetuju talian itu disambung dari Machang Bubok ke Kulim tetapi Sultan kemudiannya meminta Konsul Siam memohon sekali lagi daripada Kerajaan Pulau Pinang.

KESAN KE ATAS SOSIO-POLITIK KEDAH

Faktor British

Dari segi sosial dan politik, Perang Kulim ternyata meninggalkan kesan yang mendalam terhadap kerajaan pemerintahan Sultan Abdul Hamid. Kewibawaan Kedah sebagai sebuah kerajaan yang stabil dan bebas daripada campurtangan luar mulai tergugat. Akhbar British di Negeri-negeri Selat yang mempertikaikan kemampuan pemerintahan Sultan Abdul Hamid dengan terang mengkritik bahawa:

*One great lesson this outbreak (Kulim War) teaches - namely, how much better off people are under British rule than under the rule of Government like that of Kedah.*¹

Dakwaan kononnya semasa Perang Kulim pasukan Sultan dan Tunku Yaakob tidak berani bertindak dan menangkap atau melawan orang-orang Hai Lo Hong juga disebar. ² Kritikan dan tuduhan seperti itu walaupun tidak berasas dan tidak benar tetapi ianya tetap dirasai oleh Sultan yang bimbang kalau-kalau semua itu yang lebih merupakan hasutan-hasutan yang bermotifkan kepentingan politik akan mempengaruhi Kerajaan British untuk campurtangan di Kedah. Kebimbangan Sultan itu telah diuahkan oleh baginda kepada Tunku Mohamad Saad dengan kata-kata seperti berikut.

*Other people had been critical of us as result of the Kulim Riots.*³

1. PGSC, 19 June 1888.

2. PGSC, 22 June 1888.

3. Lihat Sharon Ahamat, 'Transition and Change in a Malay State', hal. 158. Petikan tersebut diterjemahkan dari petikan asal (Edisi Jawi) KSAH No. 5, 15 Rabiulawal 1306 (19 November 1888).

mempunyai motif politik yang mendalam. Sekiranya misi Swettenham di Kedah berjaya sudah tentu kedudukan Su'tan Abdul Hamid akan tergugat dan imej Kedah sebagai sebuah negeri Melayu yang sebelum ini pernah dikagumi sendiri oleh Swettenham akan tercemar. Swettenham ketika melawat Kedah pada tahun 1874 pernah berkata:

...Kedah was more advance in its institutions, in the observance of order, the well-being of its people, and the general development of the country, than any other state in the Peninsula.¹

Kebimbangan Sultan Abdul Hamid terhadap ancaman British di Kedah sememangnya berasas memandangkan selama ini mereka lebih mementingkan diri sendiri di dalam usaha untuk memperkukuhkan kedudukan dan pengaruh di Tanah Melayu. Apatah lagi semasa Perang Kulim kawasan-kawasan di bawah lingkungan pengaruh mereka yang bersempadan dengan Kulim seperti Province Wellesley dan Pulau Pinang di sebelah barat serta Perak di sebelah selatan dilaporkan terancam di mana menurut satu laporan :

Disturbance so near, our border are a danger and menace to the settlement.²

Oleh itu demi mengekalkan *status quo* di dalam pemerintahan baginda, Sultan Abdul Hamid terpaksa mengambil langkah-langkah yang sewajarnya di mana sebahagian daripadanya telahpun dijalankan sejak awal bulan Jun 1888 lagi.³ Sebagai langkah susulan, terutama untuk memulihkan maruah baginda yang tercemar kerana dikedam begitu hebat oleh media British serta untuk mendapatkan semula keyakinan Kerajaan British terhadap pemerintahan baginda, beberapa dasar

-
1. F. A. Swettenham, *British Malaya*, London, 1906, hal. 311.
 2. PGSC, 15 June 1888.
 3. Lihat semula hal. 49 - 52 buku ini.

pemerintahan baginda tetapi sedikit-tidakanya Sultan Abdul Hamid berjaya menggelakkan daripada berlakunya tekanan-tekanan Kerajaan British terhadap Kedah, yakni sesuatu yang gagal dilakukan oleh Perak selepas tercetusnya kekacauan di negeri itu pada 1860an dan 1870an.

Swettenham sendiri turut terpengaruh dengan apa yang dilihat dan didengarnya ketika di Kedah, khususnya mengenai penerimaan Sultan dan Raja Muda Tunku Abdul Aziz terhadap nilai-nilai Inggeris. Di dalam komen beliau mengenai perkara itu Swettenham berkata:

...I may mention that the Sultan has a strong wish to visit England but he will not do so until he has some knowledge of the English language. In order to acquire this he has for the last twelve months or more employed an English teacher (a young Scotchman) with whom he studies for two hours every evening while the Raja Muda studies for four hours every day, and already speaks English tolerably fluently.¹

Kenyataan Swettenham ini secara langsung menunjukkan kepada Kerajaan British bahawa Sultan Kedah berpandangan jauh dan mempunyai idea-idea kebaratan. Hakikat ini agak jelas kerana selain daripada usaha-usaha itu, baginda turut memperkenalkan beberapa lagi dasar-dasar pembaharuan yang lain. Misalnya pada tahun 1890 baginda telah memperkenankan pengenalan Undang-undang Negeri-negeri Selat yang mengharamkan penubuhan kongsi gelap dan kegiatannya di Kedah.² Malah satu undang-undang khas mengenai pengambilan buruh untuk bekerja di daerah Kulim turut diperkenalkan pada tahun 1891 di mana melalui undang-undang itu satu surat perjanjian yang mengandungi sembilan syarat penting yang membabitkan pekerja dengan majikan hendaklah

1. *Ibid.*

2. Lihat CO 273/168, J.F. Dickson to Raja of Kedah, 30 August 1890 dan Sultan to J.F. Dickson, 25 September 1890.

sebarang tindakan diambil ke atas Kedah, khususnya mengenai perkara-perkara yang membabitkan soal masa depannya.

Hakikat ini bertambah jelas apabila sekembalinya beliau ke Bangkok, satu penjelasan mengenai sikap dan pendirian Kerajaan Siam terhadap hubungan British dengan Kedah dan Negeri-negeri Melayu Utara yang lain telah dibuat. Di antara lain isi kandungan penjelasan tersebut berbunyi :

... it is bad for the prestige of the nation. That is why we have to strengthen our hold over this part of the territory...¹

Penjelasan Raja Chulalongkorn itu menunjukkan betapa seriusnya Kerajaan Siam dalam menangani soal Kedah. Ini kerana andainya British bertapak di Kedah, Siam bukan sahaja akan kehilangan kuasa politik tradisi ke atas Kedah tetapi lebih penting lagi maruah dan martabat Siam akan tercemar dan ini boleh meninggalkan kesan negatif ke atas keupayaan serta kekuatan sebenar Siam dalam menghadapi cabaran kuasa- kuasa asing yang lain, khususnya Perancis.² Lanjutan daripada itu tidak hairanlah kesetiaan Kedah yang sepenuhnya sangat-sangat diharapkan oleh Siam. Mengulas soal ini, Raja Chulalongkorn berkata :

-
1. T. Numnonda, 'The Anglo-Siamese Negotiations, 1900-1909', Ph.D. Thesis, University of London, 1966, hal. 200.
 2. Sebenarnya ancaman kuasa Barat yang paling ditakuti oleh Siam ialah Perancis. Ini berikutan sering berlaku krisis sempadan di bahagian timur dan timur-laut Siam selepas Perancis memperkukuhkan kedudukan di Indo-China. Menurut Tej Bunnag, 'From 1889 onward, there had been an increase in the number of frontier incidents which was bound sooner or later to lead to open warfare between the two countries'. Oleh itu dalam erti kata lain, Siam berkeras terhadap British dalam soal Kedah untuk membuktikan kepada Perancis bahawa Siam adalah sebuah kuasa yang perlu dihormati tetapi sekiranya Siam mengalah kepada British mereka mungkin akan kehilangan Kedah dan ini boleh menjadi petunjuk kepada Perancis bahawa Siam sebenarnya lemah. Jika itu berlaku, Perancis tentu akan mengambil kesempatan untuk merampas wilayah-wilayah di bahagian timur dan timur-laut Siam yang bersempadan dengan Indo-China, khususnya wilayah-wilayah di sekitar Sungai Mekong. Kerana itu juga pada tahun (sambungan nota kaki di hal. 50)

Perang Kulim telah membawa kesan yang amat positif. Ini lebih-lebih lagi apabila pada bulan Januari 1894, Sultan Abdul Hamid dikatakan :

*... declare to Chao Phraya Pholtep that His Highness was always steadfast to his superiors in Bangkok and ever considered them as his paternal patrons.*¹

Satu lagi bukti yang dapat meyakinkan Raja Chulalongkorn bahawa Kedah benar-benar memihak kepada Bangkok dan bukannya Great Britain dapat dikesan melalui kenyataan Sultan Abdul Hamid selepas baginda dianugerahkan oleh Kerajaan Siam gelaran Chao Phraya.² Di dalam kenyataan bertulis yang dihantar kepada Raja Chulalongkorn, baginda dilaporkan memberi pengakuan :

*I am most joyous and most intently loyal to Your Majesty, and never dream of behaving like a bird with two heads but ever determined to remain in Your Majesty's service, doing my best to serve Your Majesty now as well as in the future.*³

Berdasarkan semua perkembangan itu, jelas sekali walaupun British dalam keadaan tertentu berusaha untuk mempengaruhi Sultan Abdul Hamid tetapi pengaruh Siam yang lebih dirasai di Kedah. Tindakan Sultan Abdul Hamid berbaik-baik dengan British selepas peristiwa Perang Kulim sebenarnya hanya merupakan satu helah diplomatik demi menyelamatkan Kedah daripada menerima nasib yang sama seperti Perak yang terpaksa menerima campurtangan British pada tahun 1874 selepas berlakunya Perang Larut.

Oleh kerana itu juga tidak kesemua rancangan yang boleh memberi kesan kepada perkembangan pengaruh ekonomi dan

1. *Ibid.*, hal. 64.

2. Menurut Kobkua, "... the rank of Chao Phraya was the highest position any official could aspire to in normal circumstances", lihat *ibid.*, hal. 68.

3. *Ibid.*, hal. 64.

KRISIS KEWANGAN

Kesan kewangan yang teruk turut dirasai oleh Kedah selepas Perang Kulim. Sultan Abdul Hamid terutama sekali terpaksa menghadapi krisis kewangan yang paling buruk berikutan hasil pendapatan baginda yang sebahagian besar bergantung kepada cukai dan pajak dari daerah Kulim telah terjejas. Kedudukan kewangan baginda bertambah buruk apabila kerja-kerja pemulihan dan pembaharuan di daerah Kulim turut menelan perbelanjaan yang banyak. Kerana itu tekanan kewangan di Kedah begitu dirasai mulai penghujung tahun 1888 sehingga menimbulkan beberapa konflik yang serius di antara Sultan dan beberapa pihak lain yang turut menghadapi masalah kewangan sama ada secara langsung atau tidak akibat daripada Perang Kulim.

Konflik pertama melibatkan Sultan Abdul Hamid dengan dua bapa saudara baginda iaitu Tunku Thiauddin dan Tunku Yusuf.¹ Ia berpunca daripada masalah pembayaran elaun sara hidup Tunku Thiauddin dan Tunku Yusuf yang telah agak lama tertanggung. Tunku Thiauddin dan Tunku Yusuf yang masing-masing masing diberi peruntukan \$800 dan \$400 sebulan berasa tidak puas hati kerana setelah sekian lama menunggu, Sultan hanya ingin membayar elaun tersebut untuk tempoh empat belas bulan sahaja sedangkan tunggakan itu dipercayai berjumlah tiga puluh tiga bulan.² Keadaan menjadi bertambah rumit apabila Sultan bercadang untuk memotong daripada jumlah

-
1. Di dalam KSAH, Tunku Thiauddin lebih dikenali sebagai Phya Yutekan Kusun manakala Tunku Yusuf pula sebagai Phya Kidi Surin, lihat misalnya KSAH No. 2, 4 Zulkaedah 1306 (2 Julai 1889); dan Muhammad Hassan b. Dato' Kerani Muhammad Arshad, *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1968, hal. Lampiran (1) (ujongan IV).
 2. *Ibid.*

Dalam keadaan itu Sultan secara terus-terang mengatakan ketidakupayaan baginda menyelesaikan masalah kewangan yang berlaku adalah berpunca terus daripada peristiwa Perang Kulim di mana menurut baginda:

Maka Perhamba hendak bayarkan sekalian belanja-belanja orang-orang yang tertahan itu tiadalah daya upaya Perhamba lagi pada ketika ini dengan sebab baharu ini ada terjadi pergaduhan di Kulim.¹

Lanjutan daripada pengakuan Sultan itu tidak dapat dinafikan lagi sememangnya asas kepada berlakunya krisis kewangan di Kedah yang semakin memburuk pada tahun-tahun berikutnya ialah Perang Kulim. Hakikat ini bertambah nyata ketika Sultan memohon kepada Kerajaan Siam untuk menanggungkan dahulu bayaran elaun Tunku Thiauddin dan Tunku Yusuf, baginda berkata :

Maka sekarang ini Perhamba tengah kesusahan rial hendak diperbuat belanja kerana banyak kena belanja di dalam pergaduhan Cina di Kulim dan lain-lain pun banyak lagi pekerjaan yang Perhamba hendak kena perbuat.²

Sebenarnya di samping Sultan, beberapa saudagar Cina turut mengalami nasib yang sama akibat tercetusnya Perang Kulim. Chiu Ah Cheoh yang merupakan ketua pajak di Kulim misalnya pada bulan Oktober 1888 mendakwa sekiranya permohonan beliau untuk melanjutkan tempoh pajak selama tiga tahun lagi tidak diluluskan oleh Sultan maka beliau akan kerugian besar kerana sebelum Perang Kulim beliau telah membelanjakan \$100,000.00 untuk membuka kebun dan lombong di Kulim.³ Oleh kerana itu Sultan terpaksa meluluskan permohonan Chiu Ah

1. *Ibid.*

2. Lihat KSAH No. 2,4 Zulkaedah 1306 (2 Julai 1889).

3. *Ibid.*

Perlelongan Harta-harta Loh Chew dan Kunci-kuncunya

Sebenarnya dalam hal ini mustahil sekali Sultan dapat memenuhi gantirugi yang sepenuhnya kepada Cheah Tek Taie mahupun Ooi Yu Sia. Baginda juga terpaksa memikirkan tuntutan mangsa-mangsa Perang Kulim yang lain. Lagipun semua harta Loh Chew dan kunci-kuncunya selepas dilelong hanya bernilai \$32,810.90 berbanding jumlah tuntutan gantirugi semua mangsa bernilai \$50,723.95.¹ Jumlah ini belum lagi termasuk hutang-hutang Loh Chew seperti hutang sewa mengangkut bijih timah, hutang kepada pemajak lain, hutang pemasak candu dan hutang barang-barang serta belanja lelong, yang kesemuanya berjumlah tidak kurang daripada \$18,000.00.² Maka itu Sultan sebenarnya bukan sahaja bertindak tegas kepada Cheah Tek Taie dan Ooi Yu Sia kerana semua tuntutan gantirugi yang dibuat oleh mangsa-mangsa Perang Kulim yang lain juga tidak dibayar sepenuhnya. Contohnya walaupun jumlah tuntutan gantirugi dua puluh lapan mangsa yang rumah mereka dibakar semasa Perang Kulim cuma \$6,774.50 tetapi Sultan hanya membayar \$1,693.72 sahaja.³

Perkara yang sama berlaku kepada Lim Leng Cheak yang hanya dibayar \$5,000.00 meskipun beliau terpaksa menanggung kehilangan hasil pendapatan yang banyak akibat Perang Kulim.⁴ Malah boleh dikatakan Lim Leng Cheak mengalami kerugian yang lebih besar daripada Cheah Tek Taie sehinggakan untuk tempoh tiga tahun (1889-1891) beliau tidak mampu untuk membayarcukai kebun-kebunnya kepada Sultan. Ketidakmampuan beliau membayar cukai kebun-kebunnya kepada Sultan begitu ketara sekali sehinggakan pada tahun 1892 beliau

1. KSAH No.3, 19 Syaaban 1306 (20 April 1889).
2. Lihat KSAH No.3, 19 Syaaban dan 14 Rejab 1306. Walaupun tidak semestinya angka hutang Loh Chew dapat dikesan tetapi jumlah itu diperolehi berdasarkan pemerhatian dan perbandingan yang dibuat ke atas angka-angka yang terdapat di dalam kedua-kedua sumber tersebut.
3. Lihat KSAH No. 3, 19 Syaaban 1306 (20 April 1889).
4. KSAH No. 3, tiada tarikh, 1306.

tertentu adalah tidak kurang dari \$100,000.¹

Sungguhpun begitu hanya selepas tahun 1895 kedudukan kewangan Sultan bertambah buruk dan ini secara langsung atau tidak menyebabkan perkembangan-perkembangan di Kedah turut menjadi tidak menentu. Hutang-hutang Sultan semakin banyak dan tekanan-tekanan dari peminjam-peminjam yang mula menuntut kembali wang mereka membuatkan Sultan tidak berdaya lagi menanggung kesemua beban itu. Kesihatan baginda dari segi fizikal mahupun mental tiba-tiba sahaja terganggu dan ini mengakibatkan baginda akhirnya jatuh sakit.²

Ketika inilah beban kewangan Negeri Kedah diletakkan di atas bahu Raja Muda Tunku Abdul Aziz yang mentadbir Kedah bagi pihak Sultan.³ Tetapi biarpun begitu tidak banyak usaha yang dapat beliau lakukan untuk memulihkan kedudukan kewangan yang telah menjadi begitu rumit. Malah beliau sendiri merancang untuk mendapatkan pinjaman daripada Kerajaan Siam pada tahun 1896 dan sebelum rancangan itu dilaksanakan beliau terlebih dahulu mengarahkan Wan Mohammad Saman, Perdana Menteri Kedah membuat pinjaman \$30,000 kepada beliau.⁴ Berdasarkan hakikat itu, apabila hutang Kedah meningkat ke angka tiga suku juta ringgit pada tahun 1901, Sultan telah menyalahkan Raja Muda. Menurut F.A. Swettenham :

The Sultan has been ill for three or four years and during that time his younger brother (Raja Muda) has conducted the affairs of his country and the

-
1. Selain daripada pinjaman yang diperolehi dari Kerajaan Siam pada tahun 1892, Sultan juga pernah meminjam sebanyak dua kali daripada Lim Geng Cheak di mana kali pertama berjumlah \$17,000 pada pertengahan tahun 1892, dan kali keduanya pada penghujung tahun 1893. Lihat KSAH No. 5 (Zulhijjah 1309/25 Zulkaedah 1309/26 Jun 1892/20 Jun 1892) dan 13 Rabiulawwal 1311 (23 September 1893).
 2. Lihat Mohammad Hassan, *op. cit.*, hal. 274.
 3. Untuk melihat sejarah hidup Tunku Abdul Aziz dan perantarnya di dalam pentadbiran Kedah, sila rujuk, Sharifah Junis, 'Tunku Abdul Aziz dan Sumbangannya Dalam Permodenan Negeri Kedah di bahagian Kedah Abad ke 19', Tesis B. A., Universiti Kebangsaan Malaysia 1984/85, hal. 27-130.
 4. * KSAH No. 6 (Edisi Jawi), 5 Jamadilawal 1314 (11 Oktober 1896).

**Pendapatan dan Perbelanjaan Sultan Abdul Hamid
dari Jun 1897 hingga September 1899**

PENDAPATAN	Jun 1897 - Mei 1898	Jun 1898 - Mei 1889	Jun 1889 - Sept 1889	Jumlah
Dari hasil pajak	11,291.42	9,867.93	3,563.32	24,722.67
Dari hasil cukai / tanah	3,468.45	9,296.32	1,634.40	14,399.17
Dari bayaran alimoni Pulau Pinang	10,000.00	10,000.00	1,666.66	21,666.66
Dari pinjaman	143,680.00	165,000.00	2,000.00	310,680.00
Jumlah besar				371,468.50
PERBELANJAAN				
Perbelanjaan umum	103,436.55	123,503.07	53,271.39	280,211.01
Ampun kurnia / hadiah	17,205.00	52,942.29	12,320.50	82,467.79
Perjudian	10,736.16	24,098.00	26,505.00	61,339.16
Jumlah besar				424,017.96

Sumber : *Penyata keuangan Sultan, 1896 - 1899.*

kekeringan wang.¹

Keadaan di Kedah menjadi lebih tidak menentu ap: bila dalam masa yang hampir sama seorang rakyat Jerman cuba mengambil kesempatan untuk mendapatkan konsesi di Pulau Langkawi. Dalam hal ini Sultan sekali lagi menyalahkan Tunku Abdul Aziz dan menurut Swettenham :

*... it was his brother (Raja Muda) who had begun negotiation with a German about a concession for the Langkawi Island but he (The Sultan) knew that no such concession could be given to any but British ...*²

Tindakan Sultan yang mengawal semua hasil pendapatan negeri turut menyukarkan kedudukan Tunku Abdul Aziz sebagai Pemangku Raja kerana gaji pegawai-pegawai kerajaan tidak dapat dibayar, seperti kata W. G. Maxwell :

*The Raja Muda continued to administer the Government of the country but the revenue paid in by the Chinese "farmers" which constituted the bulk of the revenue of the country was paid direct to Sultan. It was difficulty that even the salaries of the Government officials were not paid.*³

Kedudukan Tunku Abdul Aziz semakin sukar apabila masalah kewangan Kedah bertambah-tambah buruk di mana dikatakan :

As the court expenditure increased, every kind of mean of raising the money was resorted to: estate owners by payings down a few years rent in cash obtained documents remitting rent for a

-
1. KSAH No. 6, 5 Rabiulakhir 1317 (12 Ogos 1899). Tunku Abdul Aziz sebenarnya bimbang keadaan akan menjadi lebih rumit sekiranya Lee Poh bertindak mengadu kepada Kerajaan British di Pulau Pinang dan kerana itu beliau turut meminta Konsul Siam menghalang Lee Poh daripada berbuat demikian.
 2. Lihat FO 422/50, Swettenham to Chamberlain, 23 July 1901. Perkara ini diberitahu kepada beliau oleh Sultan yang berada di Singapura pada tahun 1901.
 3. The Annual Report, haf. 9.

Campurtangan Siam dan Tentangan Negeri-negeri Selat

Di Bangkok Kerajaan Siam semakin cemas melihat perkembangan-perkembangan yang semakin tidak menentu di Kedah. Masalah kesihatan Sultan yang masih belum pulih sepenuhnya dan kedudukan kewangan Kedah yang sedang tenat serta percubaan seorang rakyat Jerman, Kaulfuss untuk mendapatkan konsesi perlombongan di Pulau Langkawi telah dilihat sebagai ancaman-ancaman yang boleh menggugat maruah dan pengaruh mereka di Kedah. Disebabkan itu lawatan H. G. Scott, Pengarah Jabatan Perlombongan Diraja Siam ke Kedah pada tahun 1903 sebenarnya adalah untuk meninjau dengan lebih jelas keadaan yang berlaku di sana.¹ Hasilnya sekembali beliau dari Kedah dan di dalam satu pertemuan dengan W. R. D. Beckett, Konsul British di Bangkok, Scott menyatakan:

*...the situation in Kedah was becoming acute. The Sultan was semi-mad. He was heavily in debt to Singapore Chetties, and instead of the revenue of the state showing handsome balance, as they might be expected to do in so rich a country, they were becoming indirectly, and perhaps directly mortgaged.*²

mendesak Sultan menjelaskan hutang-hutang baginda tetapi setiap kali perkara ini dibangkitkan baginda dikatakan 'naik angin' dan enggan menerima sebarang cadangan untuk mengubah corak perbelanjaan baginda. Alasan baginda ialah tidak seorang pun Sultan-sultan sebelum baginda yang perlu berbuat demikian, lihat CO 273/293, Memorandum by G. W. S. Kynnersley, 16 January 1903.

1. Sebagai seorang yang berkhidmat kepada Kerajaan Siam dan mempunyai hubungan akrab dengan Putera Damrong, Menteri Dalamn Siam, peranan dan pendapat H. G. Scott di dalam perkara ini perlu dilihat sebagai mewakili Kerajaan Siam kerana seperti kata Beckett, "Mr. Scott, I would point out is on intimate term with Prince Damrong, the Minister of Interior, and is habitually consulted by the latter on a variety of question of a political nature, often unconnected with mining", lihat FO 422/58, Mr. Beckett to the Marquess of Lansdowne, 29 October 1904.
2. FO 422/58, Process verbal of conversation with Mr. H. G. Scott, 28 October 1904.

rancangan Putera Damrong untuk menghantar Mr. Heal, Pegawai Jabatan Perlombongan Diraja Siam ke Kedah tidak lama selepas itu jelas bertujuan untuk meninjau prospek-prospek perlombongan di negeri itu dan seterusnya menghalangnya daripada jatuh ke tangan Kaulfuss atau mana-mana pihak lain yang juga berminat. Walau bagaimanapun rancangan Putera Damrong itu tidak dapat dilaksanakan kerana Sultan enggan menerima kedatangan Heal.¹ Akibatnya ini menambahkan lagi rasa curiga Kerajaan Siam terhadap Sultan Kedah dan secara tidak langsung menimbulkan soal perlantikan seorang Penasihat Siam di Kedah. Perkara ini juga dibangkitkan oleh Scott dan seperti kata Beckett :

The proposal which the Siamese Government, he thought, would wish to make was that a Resident or Adviser be appointed to reside in Kedah...²

Ini mungkin disebabkan Scott percaya :

Should Kaulfuss succeed in persuading the sultan to grant this concession, the Siamese Government would be placed in dilemma.³

Walaupun soal dan rancangan perlantikan Penasihat Siam di Kedah hanya disuarakan oleh Scott dan belum dikemukakan secara rasmi oleh Kerajaan Siam tetapi tentangan terhadapnya telah disuarakan dengan lantang oleh Kerajaan Negeri-negeri Selat melalui Gabernornya, Sir John Anderson. Di dalam surat kepada Lyttelton, Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan pada bulan November 1904, beliau berpendapat Siam sebenarnya ingin menceroboh kemerdekaan Kedah kerana bimbang British

-
1. FO 422/58, Beckett to the Marquess of Lansdowne, 29 October 1904.
 2. *Ibid.*
 3. FO 422/58, Process of verbal of conversation with Mr. H. G. Scott, 28 October 1904.

kewangan Kedah semakin buruk. Hasilnya beliau mencadangkan kepada Anderson :

... to make arrangement for the relief of Kedah's present financial difficulties and thus acquire the right to dictate her future policy and to safeguard our large interest in the state. Such arrangement would be made by the loan of 3,000,000 or 4,000,000 to Kedah by Perak, subject to the right to appoint an Adviser with power to supervise the collection and expenditure of her revenue.¹

Sungguhpun begitu tentangan Anderson dan cadangan Barnes telah menerima tamparan hebat apabila secara mengejut berlaku perkembangan baru di Bangkok pada bulan Mac 1905. Raja Muda Tunku Abdul Aziz yang pernah dianggap oleh Anderson sebagai "*leans toward England dan English influence*" dilaporkan telah mengadakan pertemuan dengan Putera Damrong untuk berunding mengenai masalah kewangan Kedah dan hasilnya beberapa persetujuan dicapai di antara mereka bahawa :

*- a loan of about 2,000,000 dollars should be made by the Siamese Government to Sultan of Kedah.
- to prevent a recurrence of present condition and in order that the revenue of the state should be reorganised for the purposed of paying off the loan and at the same time carrying the expenses of the Government and to meet the personal allowance of Raja, a Financial Adviser should be appointed by His Majesty the King of Siam.
- in view of the Sultan ill health measures should be taken to secure a more efficient administration. It is therefore proposed that a council of four be instituted, the signature of this council to be necessary to legalize all acts. The Financial Adviser to be a member of this council.²*

1. *Ibid.*

2. FO 422/59, Memorandum handed to Paget by Strobel, 24 March 1905.

Sebenarnya keyakinan Paget bahawa rancangan Siam di Kedah sukar dihalang adalah bersandarkan kepada kenyataan yang dibuat oleh Strobel, Penasihat Am Kerajaan Siam kepada beliau. Menurut Paget :

... if the plan (proposal) had been adopted without consulting His Majesty Government, he (Strobel) does not see on what ground His Majesty Government could intervene it and that the submission of the matter to the Britain Government has been on his responsibility and advice.¹

Walaupun begitu Paget meragui tindakan Raja Muda Tunku Abdul Aziz mengadakan pertemuan dengan Putera Damrong dan membuat permintaan supaya Kerajaan Siam memberi pinjaman \$2,000,000 dan melantik seorang penasihat kewangan kepada Kedah. Ini kerana rundingan dan permintaan tersebut mungkin tidak pernah mendapat restu Sultan Kedah berdasarkan dokumen sokongan (surat Sultan) yang dibawa oleh Raja Muda kepada Putera Damrong tidak ditandatangani oleh baginda. Perkara ini dinyatakan oleh Paget seperti berikut :

Raja Muda who is support of these request submitted minutes of a meeting of Kedah official and presented letters addressed to Prince Damrong both by Sultan (unsigned) and by Sultan relative including the Raja Muda himself.²

Kenyataan Paget itu menunjukkan Sultan sememangnya tidak terbabit dengan rancangan untuk mendapatkan pinjaman daripada Kerajaan Siam, apatah lagi untuk menerima Penasihat Siam di Kedah. Sebaliknya orang yang boleh dikatakan paling bertanggungjawab menjayakan pemergian Raja Muda ke Bangkok selain daripada

1. FO 422/59, Paget to the Marquess of Lansdowne, 31 March 1905.

2. *Ibid.*

sebagai *Financial Commissioner*.¹

Keadaan menjadi lebih rumit lagi kepada Anderson mahupun Paget kerana tentangan mereka tidak mendapat sokongan Kerajaan British di London, khususnya dari *Foreign Office* yang tidak bersetuju dengan tindakan-tindakan Negeri-negeri Selat mencampuri urusan Siam di Negeri-negeri Melayu Utara. *Conflict of Interest* di antara London dan Negeri-negeri Selat dapat dilihat dalam tahun-tahun 1880an dan 1890an lagi di mana pegawai-pegawai British di Negeri-negeri Selat yang lebih kuat berpegang kepada prinsip kolonialisme sering ditentang oleh *Foreign Office* yang mementingkan dasar berbaik-baik dengan Siam. Malah Pejabat Tanah Jajahan sendiri pada tahun 1892 pernah mengeluarkan kenyataan supaya pegawai-pegawai Negeri-negeri Selat :

*... restrict itself to municipal functions, leaving foreign policy to the three Secretaries in London. Governors who have an inclination towards a foreign policy of their own, are best stationed on Islands, where there is nothing to annex or make a treaty with except the molesting ocean.*²

Swettenham sendiri pernah dikritik oleh Lord Curzon kerana tindak tanduknya semasa menjadi Gabenor Negeri-negeri Selat dilihat sebagai bertentangan dengan kehendak London di mana dikatakan :

*The denial of that Siamese suzerainty was a tradition in the Straits Settlements and it was in 1902 that Lord Curzon stigmatized the suave Sir Frank Swettenham as " a swashbuckler of the most truculent type" for going to Trengganu in his Governor's yacht and jeopardizing Whitehall's official policy.*³

-
1. CO 273/314, Williamson's Memorandum to Prince Damrong, 19 April 1905.
 2. E. Thlo, 'British Policy in the Malay Peninsula', Ph. D. Thesis, University of London, 1956, hal. 244.
 3. Winstedt, *op.cit.*, hal. 236-237.

syarat perjanjian di antara Siam dan Kedah. Terutamanya beliau mahukan Kerajaan British mendapat kepastian pentadbiran Kerajaan Kedah akan kekal di tangan pihak berkuasa tempatan dan Penasihat serta pembantunya mestilah rakyat British yang mana perlantikan dan pemecatan mereka haruslah tertakluk kepada persetujuan Kerajaan British.¹

Hakikatnya walaupun desakan Anderson bukan bersifat secara langsung dan Kerajaan Siam sendiri tidak pernah dipaksa oleh Kerajaan British di London ataupun India untuk menurutinya tetapi Siam akur dan bersetuju dengan sebahagian daripada kehendak-kehendak Anderson itu. Di dalam surat Pejabat Tanah Jajahan kepada *Foreign Office* yang bertarikh 20 April 1905 telah dinyatakan bahawa:

Although under no call to consult the British Government on the subject the Siamese Government have done so : they propose to appoint an Englishman to hold the post of Adviser. They are willing to entertain any objection which His Majesty Government may wish to make to any particular individual and they are prepared apparently to take a nominee of the Indian Government.²

Hasil daripada itu Perjanjian 1905 telah ditandatangani pada 16 Jun 1905 dan G. C. Hart yang dipilih sebagai Penasihat Siam oleh Kerajaan India dihantar untuk memulakan tugas di Kedah pada 18 September 1905.³

1. FO 422/59, Anderson to Colonial Office, 29 March 1905.

2. FO 422/59, Colonial Office to Foreign Office, 20 April 1905.

3. The Annual Report, hal. 10.

lingkungan pengaruh British.¹ Pandangan itu memang berasas kerana Frost sering bertindak melampaui batas tugasnya dengan mencampuri urusan-urusan Penasihat dan Majlis Negeri. Misalnya beliau mengkritik Hart kerana bersikap terlalu lambat dan selalu tunduk kepada keputusan-keputusan Majlis Negeri. Kebebasan yang dinikmati oleh Penasihat daripada Raja Muda seperti mengeluarkan arahan terus kepada Ketua-ketua Jabatan dilihat oleh Frost sebagai belum mencukupi.² Hasilnya apabila Hart mengambil cuti sakit mulai September 1906, Dr. Hoops yang memangku jawatan Penasihat telah bertindak dengan lebih agresif dan melampaui apa yang pernah dilakukan oleh Hart.

Hoops bukan sahaja tidak menghiraukan Majlis Negeri dan berhubung terus dengan Ketua-ketua Jabatan tetapi juga mengeluarkan arahan-arahan di dalam Bahasa Inggeris.³ Ini menimbulkan rasa tidak senang hati kepada sesetengah pihak khususnya di kalangan orang-orang Melayu yang konservatif. Mereka ini sejak awal lagi dikatakan, "*did not altogether relish*" pembaharuan-pembaharuan yang diperkenalkan Hart dan Raja Muda Tunku Abdul Aziz.⁴

Sultan Abdul Hamid sendiri sebenarnya turut tidak puas hati dengan apa yang sedang berlaku di Kedah dan tentangan baginda begitu kuat sekali selepas kematian mengejut Tunku Abdul Aziz pada 31 Mei 1907.⁵ Sultan menyalahkan Tunku Abdul Aziz sebagai orang yang bertanggungjawab di atas kemasukan Pegawai-pegawai Eropah dan Konsul British di Kedah. Oleh itu apabila Majlis Negeri memutuskan untuk melantik Tunku Ibrahim, putera sulung baginda sebagai Raja Muda yang baru, Sultan bukan sahaja menolak keputusan itu malah merancang untuk menghapuskan jawatan itu dan kembali memerintah

-
1. PGSC, 17 November 1906.
 2. CO 273/333, Meadow Frost to Beckett, 10 September 1907.
 3. CO 273/334, Frost to Beckett, 19 November 1906.
 4. PGSC, 13 May 1907.
 5. YRASK, Sept. 1905 to August 1906, hal. 34.

menjadi tenat dan terlibat di dalam percubaan menyerahkan Pulau Langkawi kepada seorang rakyat Jerman.¹ Ini menunjukkan sepanjang Raja Muda Tunku Abdul Aziz memangku tugas-tugas pemerintahan negeri, jarang sekali beliau mendapat sokongan dan kerjasama yang sepenuhnya daripada Sultan. Di antaranya termasuklah keengganan Sultan mengawal perbelanjaan istana ketika Kedah sedang menghadapi masalah kewangan yang serius tetapi sebaliknya membuat perbelanjaan-perbelanjaan yang membazirkan seperti yang dapat dilihat semasa berlangsungnya perkahwinan diraja pada tahun 1904.

Keadaan seperti itu bukan sahaja amat menyukarkan kedudukan Tunku Abdul Aziz sebagai Raja Muda dan Pemangku Sultan tetapi juga memberi tekanan-tekanan yang lebih berat kepada beliau untuk memulihkan kedudukan kewangan Kedah yang semakin hari semakin tenat. Oleh kerana itu tindakan Tunku Abdul Aziz membuat pinjaman sebanyak \$2.6 juta daripada Kerajaan Siam dan membawa masuk Penasihat Siam ke Kedah pada tahun 1905 merupakan langkah yang paling drastik yang pernah diambil oleh seorang anak raja dari negeri itu. Tetapi malangnya langkah Raja Muda itu menimbulkan kontroversi dan memburukkan lagi hubungan beliau dengan Sultan dan pihak-pihak yang tidak bersetuju dengan tindakan beliau itu.

Walau apa sekalipun sebabnya,² kematian Raja Muda Tunku Abdul Aziz pada usia yang masih muda iaitu tiga puluh sembilan tahun dan kira-kira dua tahun selepas Perjanjian 1905

-
1. Lihat semula hal.76.
 2. Pelbagai teori telah diberi mengenai kematian Raja Muda. Menurut Konsul British di Kedah, beliau dikatakan sengaja meracun diri, lihat J. de Vere Allen, "The Elephant and Mousedeer", *JMBRAS*, Vol. 41, 1968, hal. 68 dan J.M. Gullick, *Malay Society in the Late Nineteenth Century: The Beginning of Change*, Oxford University Press, Singapore, 1987, hal. 295-311, di mana kematian Raja Muda dilaporkan seperti berikut: "..... Raja Muda Abdul Aziz, who at the end of about of drinking at the house of the European Advertiser swallowed a large piece of opium of which he died". Tetapi di dalam satu sumber lain beliau dikatakan mangkat kerana sakit sebak, Muhammad Hassan, *op.cit.*, hal. 254.

Semua ini disebabkan Tunku Mahmud dan Ahli-ahli Majlis Negeri bimbang status Kedah akan bertukar menjadi seperti Negeri-negeri Melayu Bersekutu sekiranya keadaan tidak dibendung dengan segera. Mereka yakin perkara itu boleh dielakkan kerana pada pemahaman mereka status Penasihat di Kedah dalam Perjanjian 1905 adalah sama seperti rakan sejawatnya di Siam yang hanya memberi nasihat dan tidak lebih daripada itu. Tetapi hal ini tidak dipersetujui oleh Frost. Beliau yang percaya Penasihat Kewangan di Kedah mempunyai status dan kuasa yang sama seperti Residen di Negeri-negeri Melayu Bersekutu melaporkan kepada Beckett di Bangkok bahawa keadaan di Kedah amat tidak memberangsangkan. Pada pandangan Frost, Kerajaan Siam harus mendorong dan menyokong Hart bertindak dengan lebih keras terhadap pentadbiran Kedah kerana hanya melalui cara ini Hart dapat mengembalikan pengaruhnya dan menguasai keadaan. Beckett menerima interpretasi Frost mengenai perkembangan di Kedah itu sebagai satu percubaan orang-orang Melayu untuk melenyapkan sama sekali semua campurtangan luar. Maka itu Beckett menganjurkan supaya Penasihat yang dilantik oleh Siam harus menjadi lebih daripada Penasihat Kewangan dan sekurang-kurangnya harus mempunyai kuasa untuk mendesak agar nasihatnya dihormati.¹

Akibat perkembangan-perkembangan sedemikian Kedah sebenarnya membawa lebih masalah dan beban daripada faedah kepada Kerajaan Siam. Oleh kerana itu juga secara senyap timbul rancangan Siam untuk 'menjual Kedah' dan Negeri-negeri Melayu Utara yang lain kepada British. Rancangan sulit itu timbul kepada pengetahuan umum pada awal Mac 1908 selepas sebuah akhbar British melaporkan bahawa rundingan pemindahan kuasa atas Kedah, Kelantan dan Trengganu sedang dijalankan oleh British dan Siam.²

1. FO 422/61, Beckett to Foreign Office, 28 September 1907.

2. Lihat *Straits Times*, 2 dan 13 March 1908.

memorandum yang kemudiannya dihantar oleh Adams kepada Kerajaan British pada bulan September 1908 telah dikritik oleh Paget yang berkata :

*... Mr. Adams' protest does not in any way represent an expression of patriotism or jealousy of their independence on the part of the people of Kedah; it is merely a document instigated by a parcel of useless, lazy, and corrupt Malays, hangers-on to the Sultan's Court, and officials who fear that under British rule the present good times will be at an end, (and) protest from such gentry are not worthy of serious attention.*¹

Pandangan dan kritikan Paget itu walaupun tidak berasas tetapi ternyata ia telah diterima oleh Kerajaan British dan kerana itu dua bulan kemudiannya iaitu pada 10 Mac 1909 Perjanjian 1909 telah ditandatangani di Bangkok di mana artikel pertama di dalam perjanjian itu jelas mengesahkan bahawa :

*The Siamese Government transfer to the British Government all right of suzerainty, protection, administration, and control what so ever which they possess over States of Kelantan, Trengganu, Kedah, Perlis and adjacent islands.*²

Dengan tertandatanganinya perjanjian itu, Kedah secara rasminya jatuh ke tangan British dan tentangan-tentangan Kedah yang seterusnya tidak lagi memberi apa-apa makna. Tetapi sebaliknya ia memberi kepuasan kepada pegawai-pegawai British seperti Swettenham, Anderson, Paget, Beckett dan Frost yang sememangnya sudah lama ingin melihat Kedah bersama-sama dengan Negeri-negeri Melayu Utara yang lain berada di bawah lingkungan pengaruh Kerajaan British.

1. CO 273/353, Paget to Foreign Office, 23 January 1909.
2. J. de Vere Allen (Edi.), *Collection of Treaties and Other Documents Affecting the States of Malaya, 1761-1963*, Vol. 2, Oceana Publishing, London, 1981, hal. 332-334.

krisis kewangan yang menimbulkan pelbagai konflik di dalam pentadbiran dan politik Kedah dalam dekad 1890an dan 1900an sehingga akhirnya memerlukan percaturan diplomasi British dan Siam di negeri itu.

Apa yang nyata dan dalamerti kata yang ringkas, peristiwa Perang Kulim sebenarnya lebih merupakan 'duri dalam daging' yang membawa pelbagai masalah dan kesulitan kepada Kerajaan Kedah sehingga menyebabkan berlakunya peralihan kuasa daripada Siam kepada British di Kedah pada tahun 1909. Tetapi dalam perspektif yang lebih luas Perang Kulim turut boleh dianggap sebagai satu manifestasi kepada kelahiran 'Kedah dan Kulim Baru' di dalam pentadbiran Sultan Abdul Hamid menjelang kurun yang ke 20.

E. TESIS YANG BELUM DITERBITKAN

- Chee Liew Seong, 'The Hakka Community in Malaya with Special Reference to their Association, 1801 - 1968', M. A. Thesis, University of Malaya, 1971.
- Cheng Lim Keak, 'The Chinese Community in Kulim Town: A Case Study of the Chinese Social, Economic, Cultural and Political Activities in West Malaysia', M. A. Thesis, Victoria University of Wellington, 1969.
- Numnonda, T., 'The Anglo - Siamese Negotiations, 1900 - 1909' Ph. D. Thesis, University of London, 1966.
- Rajendram Bhupalan, R. N., 'British Relations With Kedah, 1880 - 1909', B. A. Thesis, University of Malaya, Singapore, 1955.
- Sharifah bte Junus, 'Tunku Abdul Aziz dan Sumbangannya dalam Pemodenan Negeri Kedah di bahagian Kedua Abad ke 19', Tesis B. A., Universiti Kebangsaan Malaysia, 1984/85.
- Sharom Ahmat, 'Transition and Change in a Malay State: A Study of Economic and Political Development of Kedah, 1879 - 1923' Ph. D. Thesis, University of London, 1969.
- Thio, E., 'British Policy in the Malay Peninsula, 1880 - 1909', Ph. D. Thesis, University of London, 1956.
- Thow Eng Kee, 'Perang Kulim, 1888', Tesis B. A., Universiti Malaya, 1988/89.
- Zaharah bt. Haji Mahmud, 'Change in a Malay Sultanate: An Historical Geography of Kedah before 1939', M. A. Thesis, University of Malaya, 1969.

F. BUKU dan ARTIKEL

- Blythe, W. L., "Historical Sketch of Chinese Labour in Malaya", *JMBRAS*, Vol. xx, Part 1, 1947.
- Bonney, R., *Kedah 1777 - 1821: The Search for Security and Independence*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1974.
- C. S. Wong, *A Gallery of Chinese Kapitan's System*, Ministry of Culture, Singapore, 1963.
- Chandran, J., *The Contest for Siam, 1889 - 1902: A Study in Diplomatic Rivalry*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1977.
- Cowan C. D., *Nineteenth Century Malaya: The Origins of British Political Control*, Oxford University Press, London, 1961.
- Gillick, J. M., "Kedah 1821 - 1855: Years of Exile and Return", *JMBRAS*, Vol. 56, Part 2, 1983.
- Gullick, J. M., *Malay Society in the Late Nineteenth Century: The Beginning of Change*, Oxford University Press, Singapore, 1987.
- Historical Personalities of Penang*, The Historical Personalities of Penang Committee, Penang, 1986.
- Ibrahim Syukri, "History of the Malay Kingdom of Patani", *Monographs in International Studies, Southeast Asia Series*, no. 68, 1985.
- Jackson, R. N., *Immigrant, Labour and Development of Malaya, 1786 - 1920*, Ministry of the Interior, Kuala Lumpur, 1960.
- Jackson, J. C., *Planters and Speculators: Chinese and European Agricultural Enterprise in Malaya, 1886 - 1921*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1968.

INDEKS

- Abdul Aziz, Tunku (Raja Muda), 47, 59-60, 62-63, 66, 68-72, 76-80
 Abdul Hamid, Sultan, 4, 16, 35-37, 40-48, 50-69, 72, 76-80, 83, 85
 Abdullah, Sultan, 2
 Adams, A., 82-83
 Ahmad Tajuddin, Sultan, 2-4
 Ah Ngee, 39
 Alor Setar, 39
 Anderson, Sir John, 67-70, 73-76, 83
 Ang Lee, 39
 Asia Tenggara, 24

 Bangkok, 49-51, 65, 69-72, 81, 83
 Barnes, 68-70
 Beckett, W.R.D., 65-67, 81, 83
 Belakang Tebok, 10, 13, 16, 19-22, 26, 32
 British, 1-2, 4-5, 30, 36-37, 42-52, 66-68, 70, 73-77, 80-85
 Bukit Mertajam, 12, 21, 27, 37-38, 44
 Burney, 3

 Cauter, 1
 Ceti (Chetnies), 68
 Chao Chou, 19
 Chao Phraya (Chow Phya), 51, 72
 Cheah Tek Tai, 30, 56-58
 Chee Jiew Seong, 24
 Chen Sang, 11
 Cheraiburi (Sayburee), 58, 72
 China, 19, 24-25
 Chiu Ah Cheh, 10, 15-16, 55-56, 62
 Chu Ah Yu, 39
 Chulalongkorn, Raja, 48-51
 Cina (Chinese), 7, 9-18, 20, 23-24, 34, 46, 55-56, 68
 Crapper, Mr., 44
 Curzon, Lord, 73

 Damrung, Putera, 67, 69, 71-72
 Davies, J. J. P., 82

 Elang, Penghulu, 27-28, 30
 England, 1, 47, 68-69
 English Company, 3
 Eropah (European), 50, 76-77, 80

 Financial Adviser, lihat Penasihat
 Financial Commissioner, 73
 Foreign Office, 73-75, 82
 Frost, Meadow, 76-77, 81, 83
 Fui Chew, lihat Hui Chew
 Fullerton, Robert, 3

 Gabenor (Governor), 3, 67, 73

 General Adviser, lihat Penasihat
 Great Britain, 51, 66, 71

 Hai Lo Hong (Hai Hong, Lo Hong), 18-32, 35-41, 43
 Hakka, 18, 24
 Hart, G.C., 75-78, 80-82
 Hassan, 8
 Hokkien, 11, 24-25
 Hoops, Dr., 77, 80
 Ho Po, 30
 Ho Seng, 15-16, 18
 Hui Chew (Hui Chou), 10-12, 18-19

 Ibrahim, Tunku, 64, 77
 India (Indian), 75
 Inggeris (English), 1-3, 46-47, 50, 68-69, 75-77

 Jabatan Perlindungan Orang Cina, 44
 Jabatan Perlombongan Diraja Siam, 67
 Jalan Bahru, 37
 Jerman (German), 63, 65-66, 79, 82

 Kampung Dusun, 27
 Kampung Padang, 27
 Kamunting, 46
 Kapitan Cina, 10
 Kaulfuss, 65-67
 Kedah, 1-5, 7, 12-15, 17, 20, 41-43, 46-56, 58-61, 63-85
 Kelang Lama, 21, 27
 Kemp, Inspektur, 37
 Kidi Surin, Phya, 54
 Klang (Perang Klang), 84
 Klian Bahru, 11
 Konsul (Siam dan British), 34, 41, 56, 62, 65, 76-78
 Kota Setar, 35
 Krian, 35
 Kuala Muda, 16, 35
 Kuala Prai, 46
 Kulim (Perang Kulim), 4-5, 7-21, 23-41, 43-48, 51-53, 55-58, 84-85

 Lansdowne, Lord, 74
 Larut (Perang Larut), 10-11, 44, 51, 84
 Lau Tsao, 28-29, 32
 Lee Chin Tuan, 58
 Lee Poh, 62
 Leith, George, 1
 Light, Francis (Captain), 1-2
 Lim Leng Cheak, 13, 57-58
 Liu Ah Choo, 16
 Loh Ah Kwong, 16
 Loh Chew, 31-33, 36, 39, 57

